

24/02/2003

Tindakan NAM sanggah unilateral

TINDAKAN bersendirian atau unilateral berhubung isu yang membabitkan kepentingan dunia sebagaimana dilakukan oleh Amerika Syarikat (AS), perlu disanggah habis-habisan. Ini memerlukan satu perubahan orde dunia sebagaimana ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika merasmikan mesyuarat peringkat menteri Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), kelmarin. Dunia yang mengharapkan keamanan berkekalan tidak boleh lagi menerima sebarang unsur ketidakadilan berpunca daripada tindakan negara kuasa besar tanpa memikirkan pandangan dunia. Kekuatan ketenteraan dan kuasa ekonomi, tidak boleh dijadikan senjata untuk menindas negara lain.

Tindakan unilateralisme hanya akan menyebabkan dunia kucar kacir sebagaimana yang dilakukan oleh AS terhadap Iraq hari ini. Unilateralisme yang dilakukan AS terhadap Iraq lebih terdorong kepada keputusan mengikut emosi tanpa memikirkan kepentingan masyarakat dunia. Kaedah unilateralisme lebih kepada berbentuk arahan kerana ia tidak membabitkan keputusan yang dipersetujui bersama menerusi rundingan. Ia adalah keputusan bersendirian akibat keangkuhan. Terbaru, AS sudah pun mengumumkan bahawa serangan terhadap Iraq akan dilancarkan pertengahan Mac walaupun seluruh dunia meningkatkan bantahan.

NAM menerima kaedah multilateralisme dengan membuat keputusan secara rundingan dan kesepakatan bersama. Inilah kekuatan NAM yang perlu dipertahankan. Wakil atau ketua-ketua negara dari 114 negara anggota NAM yang memulakan sidang hari ini akan membuat keputusan secara bersama. Keputusan mereka mengambil kira keamanan dan kesejahteraan dunia. AS perlu mendengar pandangan NAM yang mewakili lebih separuh penduduk dunia. Dunia akan bergolak sekiranya AS tidak mengendahkan pandangan NAM, pertubuhan lain serta suara hati masyarakat dunia.

Dunia mengharapkan Sidang NAM ke-13 di Kuala Lumpur ini mampu memberi tekanan kepada AS, setidak-tidaknya memaklumkan kepada negara kuasa besar itu bahawa dunia tidak memihak kepada mereka. Dunia mahu supaya AS akur dengan keputusan NAM yang kini menampakkan semula kesepakatan padu berikutan pemilihan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah persidangan kali ini.

Kesungguhan Malaysia pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi daya penggerak menghidupkan semangat NAM ke arah mewujudkan dunia yang aman, menjadi faktor utama NAM masih relevan. Menerusi penubuhan sekretariat NAM dan tindakan susulan yang akan

dijalankan nanti, ia akan menjadikan pergerakan itu sebagai sebuah pertubuhan yang berwibawa dan dihormati dunia. Sudah sampai masanya NAM menjadi sebuah pergerakan barisan depan untuk membetulkan sebarang kepincangan yang cuba dicetuskan oleh mana-mana kuasa.